

PENTINGNYA PERIBAHASA AL-QURAN: SATU KAJIAN

HJ. AHMAD BIN ISMAIL
ahmad@kuis.edu.my

Jabatan Bahasa & Linguistik Arab
Fakulti Pengajian & Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kitab suci al-Quran al-Karim adalah mukjizat teragung anugerah Allah SWT kepada Rasulullah SAW untuk menjadi rujukan baginda dalam membentuk masyarakat muslim yang peka dengan tanggungjawab terhadap diri sendiri, agama, bangsa, negara dan ummah, ia mengandungi ajaran yang komprehensif, universal dan menyentuh kehidupan umat manusia dalam setiap lintasan zaman. Salah satu dari pendekatan al-Quran dalam memudahkan kefahaman kepada kandungannya ialah penggunaan peribahasa dalam ayat-ayatnya. Peribahasa yang tergarap dalam kitab suci al-Quran al-Karim amat tepat, menarik dan indah dari segi makna, bahasa dan kandungannya kerana ianya langsung dari Allah SWT, Yang Maha Pencipta. Dalam kajian ini pengkaji akan cuba memperlihatkan kepentingan peribahasa garapan al-Quran mengikut dapatan para ulama dan pengkaji-pengkaji sebelum ini dalam usaha kita menambahkan kefahaman kita tentang peribahasa al-Quran al-Karim.

Kata Kunci: Peribahasa, al-Quran, Peribahasa Al-Quran.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ (24) ثُوْتٌ
أَكْلُهَا كُلٌّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ (25)﴾ - سورة إبراهيم

1. PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG.

1.1 Al-Quran: Al-Quran-ul Karim adalah wahyu atau kitab suci Allah yang terakhir yang diturunkan melalui Malaikat Jibril as kepada Nabi Terakhir Muhammad saw secara beransur-ansur bermula dengan wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah SAW sebagaimana yang terdapat dalam surah Al-‘Alaq ayat 1-5. Penurunan kitab teragung kepada nabi teragung ini untuk baginda saw menggunakan dalam membangun dan membentuk ummah yang disifatkan sebagai *khairu-ummah*.

Ditinjau dari segi kebahasaan, Al-Qur'an berasal dari bahasa Arab yang bererti "bacaan" atau "sesuatu yang dibaca berulang-ulang".

Dr. Subhi Al-Saleh mendefinisikan Al-Quran sebagai “Kalam Allah swt yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ditulis di mushaf serta diriwayatkan dengan mutawatir dan membacanya adalah ibadah”. (<http://asal-usul-motivasi.blogspot.my/2010/10/>).

Manakala Muhammad Ali ash-Shabuni mendefinisikan Al-Qur'an sebagai berikut: "Al-Qur'an adalah firman Allah yang tiada tandingannya, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW penutup para Nabi dan Rasul, dengan perantaraan Malaikat Jibril a.s. dan ditulis pada mushaf-mushaf yang kemudian disampaikan kepada kita secara mutawatir, serta membaca dan mempelajarinya merupakan ibadah, yang dimulai dengan Surah Al-Fatiha dan ditutup dengan Surah An-Nas.

(<http://asal-usul-motivasi.blogspot.my/2010/10/asal-usul-dan-sejarah-al-quran-kitab.html>)

Ghazali Darusalam (2004) dalam bukunya Pedagogi Pendidikan Islam ada membahwa kata-kata Abu Hasan : *Pada hakikatnya al-Quran merupakan perbendaharaan yang besar untuk kebudayaan manusia, terutama bidang kerohanian. Ia pada umumnya adalah merupakan kitab pendidikan, kemasyarakatan, akhlak dan kerohanian.*¹

Betapa pentingnya bagi kita membaca dan mena'kuli kandungan Kitab Allah yang agung ini untuk mendapat panduan darinya. Allah swt berfirman:

٨٢
 أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ أَخْتِلَافًا كَثِيرًا

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalau lah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya. (An-Nisaa' 4:82)

1.2 Peribahasa: Bercakap tentang peribahasa, dalam pengertian umum ia adalah pati atau intisari kata-kata hikmat. Dalam apa jua bangsa dan bahasa pun peribahasa adalah cerminan minda bangsa tersebut. Ia lahir dari pengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan bernas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Ia merupakan salah satu daripada jelmaan kebijaksanaan penuturnya. Ia digarap menerusi bahasa yang tersusun indah. Setiap ungkapan yang tercipta disusun sedemikian rupa untuk membolehkan idea, rasa pengalaman dan buah fikiran pengungkapnya dapat ditampilkan dengan lebih berkesan.

Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai dalam berbagai bentuk dan berbagai interaksi dan akan diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi menjana kelestariannya sepanjang zaman.

¹Ghaza:li D:arussala:m (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Pendeta dan penulis terkenal, Zamakhsyari (1143M/538H) dalam bukunya ada menyebutkan:

المُستَقْصِي فِي الْأَمْثَالِ
الثل هو خلاصة تجربة مكثفة مستحبة خلال دهور، ذاتية المنشأ ، عامية الفائدة، باستقرارها تقف على كل أبعاد العصر الذي
أفرزه.

(Peribahasa adalah intipati pengalaman yang intensif, digemari dalam waktu yang panjang, kelahirannya berbentuk individual, dan kemanfaatanya menyeluruh. Dengan menghayatinya dapat mengetahui keadaan dan elemen-elemen masa peribahasa itu dicipta).²

Dengan kata lain, peribahasa menunjukkan keperibadian bangsa tersebut dalam menempuh hidup, dalam semua zaman yang dilalui oleh bangsa itu. Keperibadian adalah cerminan bangsa yang mempunyai kecenderungan, pembawaan dan budaya hidup yang tertentu hasil dari integrasi sesama mereka dan juga bangsa-bangsa lain.³

Za'ba dalam buku Ilmu Mengarang Melayu (Za'ba 1965:165) telah mentakrifkan peribahasa sebagai susunan cakap pendek atau ringkas yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab ianya menarik didengar , penggunaan perkataan yang bijak dan mempunyai maksud yang luas. Beliau juga telah menyatakan bahawa bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa.

Sementara Abdula Aziz Abdul Rahman dalam prakata Kamus Peribahasa ada menyatakan Peribahasa merupakan ungkapan yang sudah mantap bentuk dan susunannya dengan makna yang tepat. Makna perkataan yang menjadi ungkapan ini mungkin tidak dapat difahami secara terus daripada makna kamusnya kerana maknanya dikiaskan menurut budaya Melayu dan dari kaca mata orang Melayu.⁴

Zaitul Akma dan Ahmad Fuad dalam buku mereka ada menyatakan : Peribahasa merupakan salah satu cabang bahan kiasan yang mengandungi lima komponen utama, iaitu simpulan bahasa,perumpamaan, bidalan, pepatah, dan kata-kata hikmat.⁵

Dalam menghasilkan peribahasa, tiga sumber utama telah digunakan oleh masyarakat penuturnya iaitu:

- i) Melalui pengalaman hidup, khususnya dalam kalangan rakyat biasa.
- ii) Melalui penaakulan para bijak pandai
- iii) Menerusi sumber yang didapati daripada kitab-kitab suci (Abdullah Hussain, 2003)

² Zamakhsyari. AL-Mustaqla fi al-Amthal. (m.s 5)

³ الدكتور صالح الفوال. علم الاجتماع بين النظرية والتطبيق. 1966(19). دار الفكر العربي. القاهرة ص 122

⁴ Kamus Peribahasa. PAN ASIA PUBLICATION SDN BHD (2016).

⁵ Zaitul Azma Zainon Hamzah. Ahmad Fuad Mat Hassan. Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang,(2011)

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menampilkkan beberapa peribahasa yang digarapkan oleh al-Quran yang ada kaitan dengan kehidupan kemasyarakatan manusia untuk dijadikan sebagai contoh yang perlu diberi penekanan oleh pendidikan formal dan informal termasuklah pencernaanya dalam kurikulum pendidikan kita kerana perbandingan yang Allah swt. berikan sangat menarik dan penuh dengan hidayah.

1.4 BENTUK KAJIAN: Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kepustakaan.

AL-QURAN DAN PERIBAHASA

Bila kita tadabbur Kitab Suci Al-Quran kita akan dapati Allah swt. mendatangkan banyak peribahasa untuk menjadi panduan manusia keseluruhannya. Dengan peribahasa, manusia agak mudah memahaminya. Allah swt berfirman:

لَوْ أَنَزَلْنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ وَخَدِشَعًا مُّتَصَدِّعًا
مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضَرُ بُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya. (Al-Hasyr 59:21)

Penulis "A:ti:f el-Zain (2009) dalam bukunya *Al-Amtha:l Fi: al-Qura:nulkarim* menyusun peribahasa dalam Al-Quran mengikut susunan surah-surahnya bagi memudahkan pembaca mengikutinya dengan memulakan kutipan dari surah Al-Baqarah dan menyudahinya dengan surah Al-Fiil iaitu firman Allah swt:

فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّا كُولٌ

Lalu Ia menjadikan mereka hancur berkecaci seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat.

(Al-Fiil 105:5)⁶

Beliau juga menyebut beberapa ciri peribahasa dalam Al-Quran, antaranya:

- i- Peribahasa berbentuk hakiki dan berbentuk andaian.

Bentuk hakiki seperti firman Allah swt:

كَمَنْ مَثَلُهُ فِي الظُّلُمَاتِ

⁶ Pendahuluan kitab *Al-Amtha:l Fi: al-Qura:nulkarim* (Sameh "A:ti:f el-Zain)

(adakah orang yang demikian keadaannya) sama seperti yang tinggal tetap di dalam gelap-gelita (kufur), (al-Ana:m : 1220)

Bentuk andaian seperti firman Allah swt:

﴿مَثُلُ الَّذِينَ حَمَلُوا التُّورَاةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثُلُ الْحَمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا﴾

bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya) (al-Jumuah : 5)

ii. Kiasan Sebandingan seperti firma Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَبِوْا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِنْ هُمْ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَعْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا

أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابٌ رَّحِيمٌ

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakkan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keibaian orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. (al-Hujura:t : 12)

iii. Peribahasa dwi rupa : Jelas dan Tersembunyi.

Peribahasa Jelas : adalah peribahasa yang jelas menyerupai bentuk perbandingan dengan menggunakan perkataan (المثل) seperti firman Allah swt:

﴿مَثَلُهُمْ كَمِثْلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بُنُورُهُمْ وَتَرَكُوهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا

يُصْرُونَ

Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). (al-Baqarah : 17)

Peribahasa Tersembunyi : adalah peribahasa yang tidak jelas menyebut perkataan (المثل) seperti firman Allah swt:

لَا فَارْضٌ وَلَا بُكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ

Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; (al-Baqarah : 68)

iv. Peribahasa yang biasa digunakan dalam semua keadaan dan masa dan tidak berubah-ubah, seperti firman Allah swt:

﴿الآنَ حَصْحَصَ الْحَقُّ﴾

"Sekarang ternyata hal kebenaran (yang selama ini tersebunyi), (Yusus : 51)

v. Semata-mata peribahasa yang menyentuh secara umum sahaja. Seperti firman Allah swt:

﴿وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا﴾

﴿تَذْرُوهُ الرِّيحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا﴾

"Dan berilah perumpamaan kepada mereka (manusia), kehidupan dunia adalah sebagai air hujan yang Kami turunkan dari langit, maka menjadi subur karenanya tumbuh-tumbuhan di muka bumi, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering yang diterbangkan oleh angin. Dan Allah Mahakuasa atas segala sesuatu." (al-Kahfi : 45).⁷

Al-Imam al-Zarkasyi membahagikan peribahasa dalam Al-Quran kepada dua bentuk:

- i- Zahir iaitu terdapat di dalam ayat berkenaan perkataan (المثل).
- ii- Tersembunyi iaitu tidak disebut dengan jelas perkataan (المثل).⁸

Pengkaji Mohammed Syahir Yamin (2013) menjeniskan peribahasa Al-Quran kepada tiga jenis:⁹

- i- **Perlambangan** seperti peribahasa yang keluar dari mulut burung, binatang, dan tumbuh-tumbuhan seperti kisah sang semut dengan Nabi Sulaiman, kisa Adam dengan Syaitan.
- ii- **Cerita** seperti kisah orang-orang terdahulu untuk dijadikan teladan, seperti firman Allah swt:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا أَمْرَاتٌ ثُوجٌ وَأَمْرَاتٌ لُّوطٌ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَلِحَيْنِ فَخَاتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنْ أَنَّ اللَّهَ شَيْئًا وَقِيلَ أَدْخُلَا الْتَّارَ مَعَ الدَّخِيلِينَ﴾

⁷ Sameh "A:ti:f el- Zain. Al-Amtha:l Fi: al-Qura:nulkarim (m.s. 43 – 53).

⁸ Mohammed Jabir Al-Fayyadh. Al-Amtha:l Fi: al-Qura:nulkarim (m.s.158).

⁹ www.saaid.net/bahoth

Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang-orang kafir (berhubung rapat dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman dengan sebenar-benarnya), iaitu: perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut; mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati); dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat Nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah, dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): "Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang-orang yang masuk (ke situ)".

(At-Tahriim 66:10)

iii- Perbandingan biasa seperti membandingkan yang tidak jelas dengan yang jelas, seperti firman Allah swt:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا إِنَّ رُّتْبَتَهُ مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَمُ حَتَّىٰ إِذَا أَخْدَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَأَزْيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَدِيرُونَ عَلَيْهَا أَتَنْهَا أَمْرُنَا لَيَلَّا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَانَ لَمْ تَغْنِ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ

لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburinya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bungaan yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).

(Yunus 10:24)

CONTOH-CONTOH LAIN:

TAJUK	AYAT
1. SIFAT ORANG MUNAFIQ	<p style="text-align: center;"> هُمْ كَمَثَلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا آتَاهُمْ مَا حَوْلَهُ دَهَبَ اللَّهُ بِرِهْمٍ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلْمٍ لَا يُبَصِّرُونَ  </p> <p style="text-align: center;"> <i>Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). (Al-Baqarah 2:17)</i> </p>
2. BINATANG	<p style="text-align: center;"> نَّ اللَّهُ لَا يَسْتَحِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْوَذَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا الَّذِينَ نُؤْوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا ذَلِكَ اللَّهُ بِهِذَا مَثَلًا يُضْلِلُ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضْلِلُ إِلَّا الْفَاسِقِينَ  </p> <p style="text-align: center;"> <i>Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?" (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan</i> </p>

	<p><i>sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik;</i></p> <p style="text-align: center;">(Al-Baqarah 2:26)</p>
3. BIJI BENIH	<p style="text-align: center;"> لِّلَّٰهِ ذِيْنَ يُنْفِعُ وَنَّ امْ وَالْهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّٰهِ كَمْثَلٍ لَّهُ أَنْبَثَتْ مَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سَنَبِلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ نَيَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْمٌ ﴿٢٦﴾ </p> <p><i>Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.</i></p> <p style="text-align: center;">(Al-Baqarah 2:261)</p>
4. POKOK	<p style="text-align: center;"> مَثَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّٰهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً رَّةٌ طَيِّبَةٌ أَصْلُهَا ثَابِثٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾ </p> <p><i>Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.</i></p> <p style="text-align: center;">(Ibrahim 14:24)</p>
5. FATAMORGANA	<p style="text-align: center;"> نَّ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسْرَابٌ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمَآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَجِدُهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ وَفَوْفَنَهُ حِسَابُهُ وَاللَّهُ سَرِيعُ ابٌ ﴿٣٩﴾ </p> <p><i>Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air</i></p>

	<p><i>oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapat hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalaunya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisabNya.</i></p> <p style="text-align: right;">(An-Nuur 24:39)</p>
6. HARTA KEKAYAAN	<p style="text-align: center;">﴿٣﴾</p> <p>وَأَضْرِبْ لَهُم مَثَلًا رَجُلَيْنِ جَعَلْنَا لَأحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَبٍ وَحَفَّنَا لَهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا</p> <p><i>Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, Kami adakan bagi salah seorang di antaranya, dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon-pohon tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-Kahfi 18:18:32)</p>
7. ORANG KAFIR	<p style="text-align: center;">﴿١٦﴾</p> <p>وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعُقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمْ بُكْمٌ عُمْمٌ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ</p> <p><i>Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-Baqarah 2:171)</p>
8. KATA-KATA YANG BURUK	<p style="text-align: center;">﴿٢٥﴾</p> <p>وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ أَجْتَثَتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ</p>

	<p><i>Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.</i></p> <p style="text-align: right;">(Ibrahim 14:26)</p>
9. TEMPAT KEDIAMAN	<p style="text-align: center;"> مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أُولَيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ  </p> <p><i>Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling reput ialah sarang labah-labah, kalaular mereka orang-orang yang berpengetahuan.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-'Ankabuut 29:41)</p>
10. BUKIT-BUKAU	<p style="text-align: center;"> لَوْ أَنَزَلْنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ وَخَلِّيْعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ  </p> <p><i>Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-Hasyr 59:21)</p>
11. AMALAN ORANG KAFIR	<p style="text-align: center;"> مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أَعْمَلُهُمْ كَرَمَادٍ أَشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الظَّلَلُ الْبَعِيدُ  </p>

	<p><i>Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.</i></p> <p style="text-align: right;">(Ibrahim 14:18)</p>
12. KEKERASAN HATI	<p style="text-align: center;"> ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُم مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَرُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشْقَقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خُشْبَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ </p> <div style="text-align: right; margin-top: -20px;">  </div> <p><i>Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-Baqarah 2:74)</p>
13. TANGGUNGJAWAB	<p style="text-align: center;"> مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْجِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِعَائِدَتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهُدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ⑤ </p>
	<p><i>Bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah</i></p>

	<p><i>tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.</i></p> <p>(Al-Jumu'ah 62:5)</p>
14. BERSYUKUR	<p>وَالْبَلْدُ الْطَّيِّبُ يَخْرُجُ تَبَاثُهُ وَبِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبَثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْأَيَتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ</p> <p style="text-align: center;">PA</p> <p><i>Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.</i></p> <p style="text-align: right;">(Al-A'raaf 7:58)</p>
15. PERKAHWINAN	<p>أَجْلَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الْصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَحْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَشِّرُوهُنَّ وَأُبَتِّغُوا مَا كَثَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمْ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتِمُوا الْصِّيَامَ إِلَى الْيَلِّ وَلَا تُبْشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُذُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا <p style="text-align: center;">IAV</p> <p><i>Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahwasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu;</i></p> </p>

dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktfat di masjid. Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. Demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukumNya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwah.

(Al-Baqarah 2:187)

Catatan: Penulis hanya menukikan beberapa ayat sahaja dari Peribahasa Al-Quran yang berunsurkan kemasyarakatan sekadar contoh.

KEPENTINGAN PERIBAHASA AL-QURAN

Dari rujukan dan bacaan kita kepada peribahasa al-Quran pada umumnya bertujuan (Allah swt. lebih mengetahui) untuk:

- i. Mendekatkan kefahaman pendengar/pembaca kepada maksud atau makna ayat.
- ii. Mengelakkan kefahaman dalam diri seseorang apabila dibuat perbandingan.
- iii. Sukar memahami sesuatu keadaan yang sukar jika tidak dijelaskan melalui misalan dan bandingan.
- iv. Keindahan bahasa dan makna mendorong seseorang membacanya berulang kali atau menghafaznya.¹⁰
- v. Keindahan dan nilai balaghah yang begitu tinggi dalam peribahasa al-Quran mendorong para ulamak menulis dan menghasilkan ratusan kajian dan buku mengnainya.¹¹

Imam Zarkashy (meninggal tahun 794H) menyenaraikan antara beberapa kepentingan peribahasa dalam Al-Quran: Untuk menjadi peringatan, nasihat, galakan, pencegahan, iktibar dan lain-lain.¹² Semoga Allah swt memberikan hidayahNya kepada kita untuk memanfaatkannya. Tidak seperti orang-orang kafir.. Allah swt berfirman:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْءَانِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَلِمَنْ جِئْتُهُمْ بِإِيمَانٍ
لَّيَقُولُنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا مُبْطِلُونَ

¹⁰ islamweb.net/media

¹¹ Dr. Abdel Majid Qatamish. Al-Amthal Al-Arabiyyah (ms 131.

¹² <http://www.alukah.net/culture>

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai kisah dan perbandingan di dalam Al-Quran ini; dan demi sesungguhnya jika engkau membawa kepada mereka sebarang keterangan, sudah tentu orang-orang kafir itu akan berkata: "Kamu ini tidak lain hanyalah orang-orang yang membuat dakwaan palsu". (Ar-Ruum 30:58)

PENUTUP DAN HARAPAN

Dapatan Kajian;

Dari bacaan penulis, penulis dapat Peribahasa sangat banyak terdapat peribahasa sangat banyak tergarap dalam Kitab Suci Al-Quran dan garapan itu sangat menarik dan penting kerana ianya langsung dari Allah swt yang Maha Pencipta. Kedudukan ini memberi ruang kepada pendidik untuk menggunakan dalam pengajaran mereka agar pelajar dapat mempelajari dan memahaminya dengan baik dan mengaplikasikannya dalam pembelajaran mereka dan seterusnya dalam sepanjang kehidupan mereka sebagai hamba Allah yang ingin mendapat kebahagian dunia dan akhirat.

Harapan dan Penutup:

Peribahasa seperti juga dengan ilmu-ilmu lain, memainkan peranan yang sangat baik dalam pendidikan. Oleh itu para pendidik, pembimbing, daie dan ibubapa boleh menggunakan peribahasa Al-Quran untuk mendidik anak-anak dan generasi mereka,

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, peribahasa boleh digunakan dengan method-method yang berkesan kearah memperkayakan bahasa pelajar dengan menggunakan ungkapan kata-kata yang indah, flora dan fauna bahasa yang terungkap dalam peribahasa Al-Quran yang mereka pelajari dan hayati.

Kurikulum, buku teks dan pengajaran guru, perlu memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dipelajari oleh para pelajar dengan menggunakan peribahasa Al-Quran dalam bahasa yang diajar dan dipelajari oleh mereka, samada dalam lisan atau penulisan

RUJUKAN

Al-Quran-ul-Karim.

Ghazali D:arussalam (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Zamakhshari (2011). *Al-Mustaqsa Fi Al-Amthal*. Jld. 1. Beirut. Da:ar Sader Publisher.

Solah Al-Fawwal (Dr.) (1966). *Ilmu Al-Ijtima:au Bainja Al-Nazariyyahwa Al-Tatbiq*. Cairo. Da:r Al-Fikri Al-Arabi.

Kamus Peribahasa (2016). Pan Asia Publication Sdn. Bhd. (2016).

Zaitul Azma Zainon Hamzah. Ahmad Fuad Mat Hassan. *Peribahasa Melayu Penelitian Makna & Nilai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang. (2011).

Sameth ‘Ati:f el-Zain Al-Amtha:l Fi: al-Al-Qura:nulkarim. Cairo Daru al-Kitab al-Masri Al-Lubnani.

Mohammed Jabir Al-Fayyadh (Dr.) (1995). *Al-Amtha:l Fi: al-Qura:nulkarim*. Al-Dar al-Alamiyyah Lil-Kitab al-Isla:mi: Saudia. Cet. 2.

Abdel Majid Qatamish (Dr.) (1988). *Al-Amthal Al-Arabiyyah*. Darul Fikr. Damshiq.

www.saaid.net/bahoth

islamweb.net/media

<http://www.alukah.net/culture>